

30 APR 1999

Mahathir - Cumaraswamy

MALAYSIA AKUR KEPUTUSAN MAHKAMAH DUNIA, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia menerima keputusan Mahkamah Dunia mengenai kekebalan pelapor khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Param Cumaraswamy.

"Sekarang baru kita faham apabila kita beri imuniti pada seseorang untuk jalan tugas untuk PBB, dia bebas buat apa sahaja," kata Perdana Menteri setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini untuk lawatan tiga hari ke Kedah.

Dr Mahathir berkata: "Lain kali kalau ada permintaan supaya orang Malaysia diberi tugas untuk PBB, kita nak tahu betul-betullah kebebasan dia setakat mana kerana kita tahu Param ini adalah seorang memang pun dari awal lagi yang pandang serong pada kerajaan."

Bagaimanapun, kata beliau, kerajaan ketika itu bersetuju kerana Cumaraswamy diberikan tugas PBB dan badan dunia itu pastinya bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukannya.

Keputusan bahawa Cumaraswamy berhak mendapat kekebalan dari prosiding undang-undang diputuskan oleh Mahkamah Dunia di The Hague, Belanda, semalam.

Menurut laporan, keputusan Mahkamah Dunia yang terletak di bawah PBB itu secara teknikalnya bertaraf pendapat berbentuk nasihat yang tidak mengikat.

Cumaraswamy menghadapi tuntutan saman dari beberapa syarikat Malaysia yang menuntut ganti rugi berjumlah AS\$112 juta (RM426 juta) kerana didakwa membuat kenyataan berunsur fitnah kepada majalah British, International Commercial Litigation.

Dr Mahathir berkata seseorang yang hendak membuat pemerhatian atau penilaian, mestilah bersikap berkecuali.

"Kalau pilih orang yang cenderung sudah dikenali, sudah tentulah dia punya laporan mirip pada dia punya bias (kecenderungan).

"Kalau kita terima permintaan supaya diberi imuniti maka dari awal-awal lagi tak akan beri," katanya.

Beliau berkata bahawa dahulu pemahaman kerajaan mengenai imuniti itu ialah untuk seseorang membuat kajian dan laporan kepada PBB sahaja tetapi (rupa-rupanya) imuniti itu juga meliputi perbezaan pendapat berhubung sesuatu masalah yang dilaporkan dalam akhbar.

"Dia bebas kata apa-apa, (sehingga boleh) maki kerajaan. Ini kebebasan dia.

"Ini ditentukan oleh World Court, kita terima. Dia bebas kata apa yang dia suka sama ada benar atau tidak benar tak jadi soal," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan hanya mahukan seseorang itu berpegang pada kebenaran dan tidak hanya membuat tuduhan melulu.

-- BERNAMA

JM ZA MAI